

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING


Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/06/2012

Malaysia jadi negara yang gagal jika majoriti biarkan demonstrasi jalanan

Sekat tindakan minoriti

KUALA LUMPUR 28 Jun - Malaysia akan menjadi sebuah negara yang gagal jika kumpulan majoriti terus berdiam diri dan membiarkan kumpulan minoriti berkuasa secara berdemostrasi di jalanan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, idea berkonsepkan 'kerajaan rakyat' seperti yang ingin diperkenalkan pembangkang itu juga tidak



relevan di negara ini.

Tambah beliau, kerajaan yang dibentuk menerusi revolusi rakyat itu bakal menghadapi kesukaran mentadbir negara kerana terlalu banyak suara untuk membuat keputusan.

"Atas kerana itu kita perlukan proses pilihan raya. Meskipun ia tidak memuaskan hati semua pihak, tetapi ia lebih harmoni, terancang dan menjaga kebajikan rakyat," katanya da-

lam ucapnama pada forum bertajuk 'Politik dan Perniagaan, Kaitan Malaysia' anjuran Affin Investment Bank Berhad di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, suara kumpulan minoriti akhir-akhir ini seolah-olah menjadi isu besar kerana dipopularkan media-media alternatif yang kadang-kala tidak mendapat fakta sebenar namun tetap disebar luas kepada orang ramai.

Sebagai contoh kata beliau, kumpulan minoriti itu kini hebat memperjuangkan hak kebebasan dalam

banyak perkara termasuk mendesak Malaysia menerima 'hubungan sejenis'.

"Bukan kita tidak bersikap terbuka, tetapi bayangkan jika hubungan sejenis dibenarkan, apa akan jadi pada generasi masa depan. Mampukah lelaki yang mempunyai hubungan dengan lelaki dan wanita pula dengan wanita melahirkan anak?"

"Mereka hanya mementingkan kehendak sendiri, tetapi tidak memikirkan negara dan rakyat pada masa akan datang. Ini yang kita

katakan diktator, hanya pentingkan diri," katanya.

Dalam hubungan itu, beliau menasihatkan rakyat membuat penilaian betul bagi memilih kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita perlukan kerajaan yang stabil dari segi sosial, ekonomi dan politik. Kita mahukan kerajaan yang kukuh dan mampu menguruskan negara dan rakyat dengan adil dan baik. Kita seperti sudah ada kerajaan begitu, tinggal untuk pilih sahaja," katanya.